



KENYATAAN MEDIA

LAPORAN JABATAN NEGARA AMERIKA SYARIKAT (JNAS) MENGENAI PEMERDAGANGAN ORANG TAHUN 2023

Kementerian Dalam Negeri (KDN) menyambut baik peningkatan positif kepada Malaysia yang berjaya dinaiktaraf ke Tahap 2 Pemerhatian (Tier 2 *Watch List*) dalam Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengenai Pemerdagangan Orang tahun 2023 yang diumumkan pada 15 Jun 2023 di Washington DC.

Antara pencapaian signifikan yang direkodkan adalah peningkatan bilangan penyiasatan, pendakwaan dan sabitan kes serta pendakwaan terhadap penjawat awam, peningkatan bilangan mangsa, pelaksanaan usaha peningkatan kesedaran di sektor perladangan sawit, peningkatan bilangan latihan dan juga peningkatan perkhidmatan perlindungan dan sokongan kepada mangsa pemerdagangan orang.

Laporan ini juga menggariskan 15 perkara penambahbaikan dan pelan tindakan yang boleh dilaksanakan oleh Malaysia untuk penilaian tahun berikutnya iaitu mulai 1 April 2023 hingga 31 Mac 2024, antaranya meningkatkan pengenalpastian mangsa dalam kalangan golongan rentan, pekerja domestik, pekerja sektor perladangan sawit dan sarung tangan getah. Selain itu, laporan ini juga menyarankan agar diberi penekanan kepada kes pemerdagangan orang yang melibatkan penjawat awam serta menambah baik kerjasama antara agensi.

Dalam hubungan ini, Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) yang diterajui oleh KDN bersama-sama dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan lain akan sentiasa mengambil tindakan strategik dan tegas sebagai respon kepada penemuan laporan ini dan secara tidak langsung memerangi jenayah pemerdagangan orang di Malaysia. Antara perkara yang sedang dalam pelaksanaan adalah meningkatkan kemahiran agensi penguatkuasa di seluruh negara dalam aspek pengenalpastian mangsa pemerdagangan orang melalui *Roll Out Garis Panduan Nasional mengenai Indikator Pemerdagangan Orang (NGHTI 2.0)* yang telah dilancarkan pada 22 Mac 2023 yang lalu.

KDN dan MAPO akan terus memperkasakan sinergi dan kerjasama erat dengan badan bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan masyarakat madani (CSO), pertubuhan antarabangsa, perwakilan diplomatik asing, ahli akademik dan pihak majikan dalam memastikan isu ini ditangani secara holistik melalui pendekatan *whole-of-nation* tanpa kompromi demi keselamatan dan kedaulatan negara. Selain itu, para majikan juga mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan hak dan kebijakan pekerja dipelihara bagi mengelakkan daripada berlakunya amalan buruh paksa dan pemerdagangan orang.

Justeru KDN dan MAPO komited untuk turut mendukung prinsip Malaysia Madani dalam memelihara hak mangsa pemerdagangan orang dan memastikan tindakan tegas diambil terhadap mana-mana pihak yang terlibat secara langsung maupun yang bersubahat dalam jenayah keji ini, untuk dibawa ke muka pengadilan berdasarkan lunas perundangan sedia ada.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

16 JUN 2023

LAMPIRAN**MAKLUMAT TAMBAHAN
9 ASPEK POSITIF (LAPORAN JNAS 2023)**

1.	Peningkatan bilangan kes pemerdagangan orang yang disiasat
2.	Pendakwaan dan sabitan lebih ramai penjenayah pemerdagangan orang
3.	Mendakwa penjawat awam yang bersubahat/salah guna kuasa
4.	Mengenalpasti lebih ramai mangsa
5.	Menyediakan peruntukan bagi kempen kesedaran di ladang-ladang kelapa sawit
6.	Meningkatkan latihan kepada pegawai penguatkuasa, pegawai undang-undang dan pegawai pelindung
7.	Peningkatan bilangan mangsa yang mendapat Kebenaran Bergerak Bebas (KBB)
8.	Peningkatan bilangan mangsa yang diberikan Kebenaran Bekerja (KB);
9.	Peningkatan jumlah peruntukan untuk rumah perlindungan

6 ASPEK NEGATIF (LAPORAN JNAS 2023)

1.	Kurang pendakwaan dibuat terhadap penjenayah buruh paksa di sektor perladangan kelapa sawit dan industri sarung tangan getah
2.	Tidak menggunakan prosedur operasi standard (SOP) secara menyeluruh dalam mengenalpasti mangsa pemerdagangan orang
3.	Tidak dapat mengenalpasti mangsa sehingga mangsa tersebut ditahan dan dihantar pulang ke negara asal
4.	Kelewatan dalam proses pendakwaan
5.	Kekurangan proses koordinasi dan integrasi antara agensi
6.	Kekurangan kemudahan yang diberikan terhadap mangsa sehingga menyebabkan mangsa warganegara asing tidak mahu untuk terus berada di Malaysia bagi meneruskan proses perundangan

LAMPIRAN

15 PERKARA PENAMBAHBAIKAN (LAPORAN JNAS 2023)

1.	Meningkatkan usaha untuk mengenalpasti mangsa pemerdagangan orang di kalangan golongan rentan (<i>vulnerable group</i>) yang melibatkan pekerja domestik, pekerja di sektor sawit dan pembuatan sarung tangan.
2.	Melatih pegawai penguatkuasa termasuk polis, pegawai JTK, pegawai imigresen mengenai SOP pengenalpastian mangsa yang berdasarkan indikator pemerdagangan orang.
3.	Meningkatkan usaha untuk pendakwaan dan sabitan kes pemerdagangan orang, termasuk penjawat awam yang bersubahat dan jenayah buruh paksa.
4.	Memperluaskan perlindungan bagi sektor pekerjaan pembantu rumah dan menyiasat dakwaan kes-kes penderaan pembantu rumah.
5.	Membuat pengumuman awam berkenaan hasil siasatan yang melibatkan penjawat awam yang menyalahguna kuasa bagi meningkatkan ketelusan dan pencegahan serta mengenakan tindakan yang sewajarnya kepada pengawai yang berkaitan apabila melanggar undang-undang,
6.	Meningkatkan keupayaan agensi penguatkuasaan untuk menyiasat dan mendakwa kes pemerdagangan orang dengan memperkasakan koordinasi di antara agensi penguatkuasaan.
7.	Memperluaskan mekanisme penyediaan perkhidmatan jurubahasa kepada mangsa.
8.	Menambahbaik pengurusan kes dan komunikasi dengan mangsa pemerdagangan orang, menerusi program <i>Victim Assistance Specialist</i> (VAS).
9.	Memperluaskan usaha bagi memaklumkan pekerja asing berkaitan hak mereka di bawah undang-undang buruh Malaysia termasuk hak untuk mengakses pasport pada bila-bila masa dan mendapatkan remedi perundangan terhadap eksploitasi.
10.	Menyatakan dengan jelas mengenai perlindungan terhadap pekerja asing di dalam model kontrak dan MOU dua hala dengan negara sumber.
11.	Mengurangkan penangguhan pendakwaan termasuk memperbaiki panduan pendakwaan dan meningkatkan pemahaman jenayah pemerdagangan orang terutamanya buruh paksa.
12.	Meneruskan kerjasama dengan NGO, termasuk peruntukan kewangan dan sokongan kepada NGO untuk menyediakan perkhidmatan pemulihan kepada mangsa.
13.	Mengambil langkah untuk menghapuskan bayaran yang dikenakan kepada pekerja oleh ejen di Malaysia dan memastikan bayaran ini ditanggung oleh majikan.
14.	Meningkatkan bilangan mangsa pemerdagangan orang yang diberi kelulusan kebenaran bergerak bebas dari tempat perlindungan, pergerakan tanpa diiringi (<i>unchaperoned</i>) dan meningkatkan akses mangsa kepada komunikasi dengan orang di luar kawasan perlindungan.
15.	Meningkatkan usaha dalam pengenalpastian mangsa di kalangan pekerja China atas projek infrastruktur usaha sama dengan kerajaan China.

ANNEXURE**9 POSITIVE ASPECTS (USTIP REPORT 2023)**

1.	Initiating more trafficking investigations
2.	Prosecuting and convicting more traffickers
3.	Prosecuting complicit officials
4.	Identified more victims
5.	Initiated efforts and provided funding to raise awareness of trafficking on palm oil plantations
6.	Increased training – including on employing a trauma-informed approach, victim identification, and amendments to the anti-trafficking law – for officials, law enforcement, and victims service providers
7.	Facilitated greater freedom of movement among victims receiving services in government facilities
8.	Granted more victims permission to work
9.	Increased funding for victim shelters

6 NEGATIVE ASPECTS (USTIP REPORT 2023)

1.	Did not sufficiently criminally prosecute labor traffickers in the palm oil sector or the disposable glove manufacturing industry
2.	Did not systematically implement SOPs countrywide to proactively identify victims, including forced labor victims, during law enforcement raids or among vulnerable populations with whom authorities came in contact
3.	Due to a lack of formal identification procedures, authorities likely detained, arrested, and deported some unidentified trafficking victims
4.	Delays in prosecution
5.	Insufficient interagency coordination
6.	Inadequate services for victims discouraged foreign victims originating from foreign countries from remaining in Malaysia to participate in criminal proceedings and continued to hinder successful anti-trafficking law enforcement efforts

ANNEXURE

15 RECOMMENDATIONS FROM USTIP REPORT 2023

1.	Increase efforts to identify trafficking victims, including victims of labor trafficking, among vulnerable populations, including household workers and workers in the palm oil and disposable glove manufacturing sectors.
2.	Train officials, including police, labor inspectors, and immigration officials, on SOPs for victim identification that includes information on trafficking indicators.
3.	Increase efforts to investigate and prosecute trafficking cases – as distinct from migrant smuggling – including those involving complicit officials and forced labor crimes.
4.	Expand labor protections for domestic workers and investigate allegations of domestic worker abuse.
5.	Make public the results of investigations involving corrupt officials to increase transparency and deterrence and hold officials criminally accountable.
6.	Increase law enforcement capacity to investigate and prosecute trafficking cases, including by improving interagency coordination.
7.	Expand the mechanism to provide interpretation services for victims.
8.	Improve case management and communication with trafficking victims, including the consistent request and use of interpreters and the Victim Assistance Specialist program.
9.	Expand efforts to inform migrant workers of their rights under Malaysian labor laws – including their right to maintain access to their passports at any time – and their options for legal recourse to exploitation.
10.	Include language on protections for foreign workers in model contracts and bilateral MOUs with labor source countries.
11.	Reduce prosecution delays, including by providing improved guidance to prosecutors on pursuing trafficking charges, and increase judicial familiarity with the full range of trafficking crimes, particularly forced labor.
12.	Expand cooperation with NGOs, including through financial or in-kind support to NGOs to provide some victim rehabilitation services.
13.	Eliminate recruitment or placement fees charged to workers by recruiters and ensure any recruitment fees are paid by employers.
14.	Increase the number of trafficking victims who obtain approval for freedom of movement from shelters, expand freedom of movement to include unchaperoned movement, and increase victims' access to communication with people outside shelter facilities.
15.	Increase efforts to identify trafficking victims among People's Republic of China (PRC) workers on PRC government-affiliated infrastructure projects.

MAKLUMAT TAMBAHAN –

MAKLUMAT UMUM MENGENAI USTIP REPORT 2023

- Diumumkan pada jam 11.30 tengahari 15 Jun 2023 bersamaan 11.30 malam waktu tempatan oleh Anthony Blinken, Setiausaha Negara Amerika Syarikat di Washington DC.
- Penilaian ke atas 188 negara mengenai usaha menangani pemerdagangan orang berdasarkan elemen pendakwaan (prosecution), perlindungan (protection) dan pencegahan (prevention).
- Ringkasan kedudukan negara mengikut Tier (Tahap)
 - Tier 1 = 30 negara
 - Tier 2 = 106 negara
 - Tier 2 Watchlist = 26 negara (termasuk Malaysia)
 - Tier 3 = 24 negara
 - Special case = 3 negara (Libya, Somalia, Yemen)
- Ringkasan kedudukan negara ASEAN mengikut Tier (Tahap)
 - Tier 1 = 2 negara (Filipina dan Singapura)
 - Tier 2 = 3 negara (Indonesia, Lao dan Thailand)
 - Tier 2 Watchlist = 3 negara (Brunei, Malaysia dan Vietnam)
 - Tier 3 = 2 negara (Cambodia dan Myanmar)

- RINGKASAN STATISTIK LAPORAN USTIP 2023

PENDAKWAAN			
Perkara	Pencapaian 2021/2022	Pencapaian 2022/2023	Catatan
<i>Prosecutions Initiated</i>	31 (individu)	85 (individu)	Peningkatan + 174%
	57 (pertuduhan)	128 (pertuduhan)	125%
<i>Convictions For Forced Labor & Sexual Exploitation</i>	20	32 (14: Buruh Paksa/ 18: Eksplorasi Seks)	Peningkatan + 60%
<i>Convictions For Unlawful Passport Retention</i>	5	13	Peningkatan + 160%

PENGUATKUASAAN			
Perkara	Pencapaian 2021/2022	Pencapaian 2022/2023	Catatan
<i>Human Trafficking Investigations</i>	108	137	Peningkatan + 28%
<i>Forced Labor Investigations</i>	63	95	Peningkatan + 51%
<i>Sexual Exploitation Investigations</i>	39	31	Penurunan - 21%
<i>Labor Inspections Conducted</i>	27,836	53,042	Peningkatan + 91%

MAKLUMAT TAMBAHAN – STATISTIK

- RINGKASAN STATISTIK LAPORAN USTIP 2023

PERLINDUNGAN			
Perkara	Pencapaian 2021/2022	Pencapaian 2022/2023	Catatan
<i>Potential Victims Identified (IPOS)</i>	373	510	Peningkatan + 37%
<i>Individuals Confirmed as Victims and Granted PO's</i>	96	181	Peningkatan + 89%
<i>Permission To Move Freely</i>	102	172	Peningkatan + 69%
<i>Permission To Work</i>	11	25	Peningkatan + 127%

PERLINDUNGAN		
Bil	Perkara	Jumlah
1.	Perintah Perlindungan Interim (IPO)	510
2.	Perintah Perlindungan (PO)	181
3.	<i>Victim Assistance Specialist (Vas)</i>	8
4.	Mesyuarat VAC & CMC	6
5.	Jumlah Peruntukan Kepada NGO (Aktiviti Sokongan) – [KPWKM]	RM112,420.00
6.	Jumlah Peruntukan Kepada RP NGO – [Peruntukan Khusus MAPO]	RM755,920.00
7.	Kebenaran Bergerak Bebas (KBB)	172
8.	Kebenaran Bekerja (KB)	25

MAKLUMAT TAMBAHAN – STATISTIK UMUM

JUMLAH SABITAN KES PEMERDAGANGAN ORANG

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023*
Pemerdagangan Orang	79	174	37	37	16	7	21	4
Penyeludupan Migran Dengan Elemen Pemerdagangan Orang	9	0	0	0	0	0	0	0
Lain-Lain Dengan Unsur Pemerdagangan Orang	12	81	257	8	4	97	15	0
JUMLAH	100	255	294	45	20	104	36	4

*Sumber data: Unit Jenayah Am dan Ketenteraman Awam, Jabatan Peguam Negara

*Sehingga: 10 April 2023

BILANGAN KES PEMERDAGANGAN ORANG

PERKARA	TAHUN								
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023*
JUMLAH KES	163	463	429	302	286	165	115	139	48
JUMLAH TANGKAPAN	247	679	676	395	370	252	230	240	104

*Sumber data: D3 ATIPSOM, JSJ, Bukit Aman, PDRM

*Sehingga: 31 Mei 2023

BILANGAN KES PENYELUDUPAN MIGRAN

PERKARA	TAHUN								
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023*
JUMLAH KES	197	193	210	185	250	265	225	280	111
JUMLAH TANGKAPAN	227	202	282	221	371	505	393	521	227

*Sumber data: D3 ATIPSOM, JSJ, Bukit Aman, PDRM

*Sehingga: 31 Mei 2023

BILANGAN MANGSA PEMERDAGANGAN ORANG

KATEGORI	TAHUN								
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023*
Perintah Perlindungan Interim (IPO)	1386	3411	2224	1360	1349	497	499	420	274
Perintah Perlindungan (PO)	305	1558	721	114	98	36	135	138	112

*Sumber data: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

*Sehingga: 29 Mei 2023

JUMLAH PERUNTUKAN KEPADA NGO

NGO	TAHUN	
	2022	2023
	RM	RM
TENAGANITA	355,000.00	300,000.00
GLOBAL SHEPHERDS BERHAD	430,000.00	455,920.00
SHUT	-	96,800
SUKA SOCIETY	-	15,620.00
JUMLAH	785,000.00	868,340.00

BILANGAN KEBENARAN BERGERAK BEBAS & BEKERJA

JANTINA	KEBENARAN BERGERAK BEBAS								KEBENARAN BEKERJA							
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023*	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023*
LELAKI	11	52	35	23	50	87	29	102	0	0	0	0	0	0	13	0
WANITA	5	41	38	9	11	50	50	63	9	2	1	0	1	4	18	0
KANAK-KANAK (L)	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
KANAK-KANAK (P)	0	0	3	0	1	1	1	3	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	16	93	76	32	63	138	81	168	9	2	1	0	1	4	31	0

*Sumber data: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

*Sehingga: 31 Mei 2023